

Headline	Indkom lancar dua produk baharu untuk TNB		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	19
ArticleSize	177 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,495		



Indkom lancar dua produk baharu untuk TNB

SHAH ALAM 21 Sept. - Syarikat pengeluar produk utiliti, Indkom Sdn. Bhd. (Indkom) melancarkan perkakasan suis, Compact Substation Unit (CSU)-Scada Ready dan Ring Main Unit (RMU)-RCB.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Indkom, Mohsin Shih Marai berkata, produk keluaran syarikat sepenuhnya milik bumiputera itu menepati spesifikasi antarabangsa dan berkualiti tinggi.

Katanya, harga produk yang dijual di pasaran adalah RM160,000 bagi CSU-Scada Ready dan RM30,000 bagi RMU-RCB.

“Produk ini akan diguna pakai di dalam rangkaian Tenaga Nasional Berhad (TNB). Kita menjadi pembekal dan rakan strategik TNB dalam membekalkan perkakasan suis.

“Selain itu, penyelidikan dan pembangunan (R&D) produk ini dihasilkan sepenuhnya oleh kepakaran anak tempatan,” katanya selepas majlis pelancaran kedua-dua produk berkenaan di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Penga-



SYED ABU HANIFAH SYED ALWI (kanan) melihat produk perkakasan suis yang dihasilkan oleh syarikat Indkom Sdn. Bhd. di Shah Alam, semalam. - UTUSAN/IZHAM JAAFAR

rah Urusan Indkom, Jamaludin Mohd. Wari dan Ketua Pegawai Perolehan TNB, Ir. Syed Abu Hanifah Syed Alwi.

Sementara itu, Syed Abu Hanifah berkata, pihaknya akan menggunakan produk terbahanu tersebut mulai bulan depan dalam mengoptimumkan pengendalian operasi syarikat se-

cara lebih efisien.

Menurutnya, TNB memerlukan kira-kira 150 perkakasan suis CSU-Scada Ready dan RMU-RCB 300 unit sebulan.

“Kita berpuas hati dengan produk yang dikeluarkan syarikat ini kerana spesifikasi produk mengikut standard yang ditetapkan oleh TNB,” ujarnya.